

# Sirim anjur AsiaSense 2013

Memberi pendedahan kepada saintis dalam industri teknologi sensor, pengeluar produk berasaskan sensor, dan ahli akademik Malaysia dengan penemuan dan inovasi terbaru dalam bidang sensor di peringkat nasional dan antarabangsa.

Menggalakkan rangkaian kerjasama penyelidikan di antara sektor awam dan swasta dengan industri tempatan dan luar negara.

Membincangkan isu dan strategi terbaru dalam penggunaan teknologi sensor serta

Memperkuatkan hubungan penyelidikan dengan industri pembuatan dari dalam dan luar negara.

SIRIM Berhad, peneraju penyelidikan dan teknologi di negara ini, akan menganjurkan Persidangan Sensor Antarabangsa ke-6 (AsiaSense 2013) bersama-sama dengan lapan lagi institusi penyelidikan tempatan lain Melaka bermula esok.

Bertemakan *Sensor Mengekalkan Masa Depan*, AsiaSense 2013 yang memberi fokus kepada Teknologi Sensor, Instrumentasi dan Pemrosesan Data serta Sensor dan Teknologi Terkini, menghimpunkan saintis dan jurutera dari bidang akademik, institusi penyelidikan dan syarikat-syarikat daripada pelbagai bidang bagi membentang dan membincangkan maklumat terkini lapangan biosensor.

Persidangan selama tiga hari bermula dari 27 hingga 29 Ogos 2013 itu juga merupakan landasan bagi peserta untuk mempelajari dan mengenali dengan lebih dekat kejayaan teknologi biosensor melalui kajian-kajian kes.

Persidangan turut memberi peluang kepada peserta bagi mengetengahkan penemuan terbaru dalam mengenalpasti pertumbuhan terbaru dan akan datang dalam bidang ini.

Persidangan ini dianjurkan secara bersama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan dan

Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Asiasense 2013 dijangka dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohd. Diah dan dijangka dihidiri Presiden dan Ketua Eksekutif Sirim Berhad, Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur AsiaSense 2013, **Dr. Ahmad Hazri Abd Rashid**, yang juga merupakan Pengurus Besar Pusat Penyelidikan Industri Bioteknologi Sirim Berhad.

Dr Ahmad Hazri, dalam kenyataannya sempena persidangan tersebut berkata, pembangunan teknologi terbaru akan mentakrifkan semula pasaran masa hadapan sensor serta penemuan terbaru sensor seperti peranti tanpa wayar, sensor optik fiber, sensor pintar dan sensor berasaskan nanomaterial.

"Sensor kini digunakan secara meluas dalam industri dan aplikasi, malah secara berterusan membuka lembaran baru bagi aplikasi-aplikasi yang berkaitan.

"Teknologi pembuatan pada masa ini, kenderaan moden, peralatan perubatan



**DR. AHMAD HAZRI  
ABD RASHID**

yang inovatif, sistem bekalan kuasa pintar dan teknologi bangunan adalah mustahil tanpa sensor," katanya.

SIRIM kini sedang mengkaji penggunaan biosensor bagi mengenalpasti kehadiran ammonia di dalam air, biocip bagi mengesan kes denggi, dan sensor berasaskan *quantum dot* bagi memantau kandungan glukosa dan asid urik.

"Usaha kami kebanyakannya pada peringkat asas iaitu menggunakan dana *Sciencefund* (MOSTI), tetapi kami kini dalam proses menyediakan kertas cadangan peringkat seterusnya untuk mendapatkan dana *Technofund*, di samping memastikan kejayaan pengkomersialan produk-produk kami," katanya. Persidangan kali ketiga di Malaysia ini, turut mempamerkan teknologi sensor, instrumentasi dan perkhidmatan, serta aktiviti penyelidikan.

Pameran yang diadakan secara serentak dengan sesi persidangan ini juga turut memberi peluang kepada peserta untuk mendapatkan maklumat terbaru dari syarikat-syarikat yang mengambil bahagian.

Pada majlis itu, Dr Abu Bakar akan melancarkan Persatuan Pembangunan Teknologi Sensor Malaysia.

Selain menggalakkan kerjasama di antara ahlinya, persatuan ini ditubuhkan bagi memajukan dan menyebarkan pengetahuan sains dan teknologi sensor, serta memberi pandangan dan nasihat membina dalam hal berkaitan dengan sains dan teknologi sensor.